

Diskusi Hukuman Jenayah Murtad.

Oleh : Zaharuddin Bin Ab. Rahman
Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh ,
Universiti Al-Yarmouk, Jordan
zaharuddin@yahoo.com
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah, pencipta sekalian alam, selawat dan salam buat junjungan mulia Rasulullah SAW. Serta ahli keluarganya dan para sahabatnya.

Penulisan ini akan menyentuh beberapa aspek :

1. Hadith sandaran hukuman Murtad.
2. Adakah istitab (memberi tempoh dan menasihati si murtad agar tawbat) suatu kewajipan ?
3. Adakah hukuman wanita murtad sama seperti lelaki?.
4. Hukuman murtad boleh di tangguh kerana masalah?.
5. Hukuman Murtad tidak terpakai kerana sabit dengan hadith Ahad?.

Semua aspek akan disentuh secara ringkas, dan hanya akan mengambil isi perbincangan sahaja. Dalil2 setiap mazhab sukar untuk disertakan akibat panjang, lalu bolehlah bagi mereka yang berminat merujuk nama2 kitab rujukan yang disenaraikan bagi penulisan ringkas ini.

HADITH UTAMA SANDARAN HUKUMAN MURTAD

Hadith yang berkenaan hukuman Murtad datang dalam pelbagai lafaz. Hadith2 ini didatangkan dari beberapa orang sahabat utama seperti Saidina Uthman Affan ra, Saidina Ali kw, 'Aisyah, Ibn Abbas, Ibn Mas'ud, Abu Musa as-Sya'ary, Muadz bin Jabal, Anas Bin Malik, Abu Hurairah radhiyallahu anhum ajma'in.

Lafadz hadith dari para sahabat di atas berbeza serba sedikit dari sudut lafaznya tetapi sama dari sudut maknanya. Antara yang paling jelas adalah :-

عن ابن عباس قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : "من بدل دينه فاقتلوه" (البخاري, أبو داود, الترمذي, أحمد)

Ertinya : Dari Ibnu Abbas ra : Sesiapa yang menukar agamanya (Islam) maka hendaklah kamu membunuhnya" (Riwayat Al-Bukhari 2/280; Abu Daud (4351); Tirmizi 145 ; Nasaie, 7/104 dan Ahmad , 1/282)

لا يحل دم امرئ مسلم يشهد أن لا إله إلا الله وأني رسول الله إلا بإحدى ثلاث النفس بالنفس والثيب الزاني والمفارق لدينه التارك للجماعة

Ertinya : " Tidak halal darah Muslim yang bersaksi Tiada Tuhan melainkan Allah dan Aku Sbagi Rasulullah kecuali ia melakukan mana2 salah satu dari tiga perkara iaitu membunuh nyawa, janda yang berzina yang (penzina muhsan) dan org memisahkan dirinya dari agamanya lalu meninggalkan jemaah" (Al-Bukhari, 6/2521 ;Muslim 3/1032 ; Abu Daud, Tirmizi, Ahmad, Ibn Hibban, Al-Hakim, Al-Baihaqi dll)

Banyak lagi hadith terutamanya dan ayat al-quran (bagaimanapun Quran tidak menyebut secara *tahdid* hukuman bagi mereka yg murtad di dunia) yang

menyebuntukan hukuman bagi jenayah murtad, bagimnpun penulis hanya mengambil satu sahaja atas sebab tidak ingin memanjangkan penulisan.

Hukuman yang diistinbad (dikeluarkan) dari hadith di atas:

1. Ijma' ulama' dari mazhab yang lapan (**Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafie, Imam Ahmad, Mazhab Zohiri, Mazhab Syiah Zaidiyah, Mazhab Syiah Imamiah dan Mazhab Ibadiyah**) dalam perihal membunuh si murtad.
(Sila lihat *Bidayatul Mujtahid, Ibn Rusyd, cet Dar Ibn Hazm, tahqiq oleh Majid al-Hamwi 4/1764; 'A'lam al-muwaqqi'ien, Ibnu Qayyim jld 5, ms 42; al-Majmu' 21/43, at-Tasyri' al-Jinaie al-Islami, Abd Qadir Audah, Al-Fiqh al-Islami, Dr Wahbah az-Zuhayli, Al-'Uqubah, Syekh Abu Zuhrah, hlm 172*)

Dr Yusof al-Qaradhawi menaqaalkan bahawa telah ijma' fuqaha' Islam bahawa hukuman bagi murtad adalah bunuh selepas istitab. Perkara ini telah dinyatakan oleh Al-'Allamah Imam Ibn Rejab al-Hanbali (w 795 H) di dalam kitabnya *Jami' al-'Ulum wa al-Hukm (Syarh Hadith ke 14, cet al-Maktabah al-'Asriyah, hlm 134)*. Imam Muhd Abu Zuhrah (cendikiawan Islam terhebat di zamannya, w 1972 m) juga mengesahkan kesepakatan ulama' ini. (*Lihat Al-uqubah, hlm 172*)

Perihal menjatuhkan hukuman bunuh terhadap murtad ini juga telah dilaksanakan di zaman sahabat (selain Abu Bakar) oleh Mua'dz Jabal ra, Saidina Ali kw, (*Rujuk Shohih Bukhari dengan syrah, Fath Bari, hadith no 6923*) oleh Ibn Mas'ud setelah ditanya kpd Saidina Umar ra. (*Rujuk Musannaf Abd Razak, 10/168, athar no 18707*) . Lihat selanjutnya selepas ini.

Tetapi mereka berselisih dalam hal:

- a) Keperluan menyuruh dan meminta si murtad bertaubat (istitab).
- b) Qadar masa istitab.
- c) Adakah hukuman kpd perempuan sama seperti lelaki.

a. Keperluan menyuruh dan meminta si murtad bertaubat (istitab)

1. Pandangan **Jumhur (Imam Malik, Imam Syafie, Imam Ahmad, dan dari salaf dan khalaf** : Hendaklah simurtad disuruh bertaubat.
- Telah dinaqaalkan bahwa para sahabat telah ijmak dalam hal ini.

2. Pandangan **Thowus (fuqaha' tabi'en w:106 H), Imam Hasan al-Basri (w 110 H), Ibn al-Majishun al-maliki, Qadhi Abu Yusof al-Hanafi (Imam Mujtahid w: 182 H), serta mazhab Dzohiriyah** : Tidak perlu istitab. Bahkan sekiranya si murtad bertaubat, ia hanya akan memberikan manfaat kepadanya di akhirat, manakala di dunia tetap akan dibunuh.

3. Pandangan **'Ato' bin abi Rabah (ulama' besar tab'ien w: 114 H)** : sekiranya ia lahir muslim kemudian murtad maka tidak perlu istitab, terus dijalankan hukuman bunuh. Kiranya ia lahir sebagai kafir kemudian muslim kemudian kafir, ketika itu perlu istitab. Demikian juga pandangan Hasan al-Basri.

b. Istitab wajib atau mustahab (elok)

Pandangan **Imam Malik, Imam Syafie, Imam Ahmad serta Imam Ishak Rahawaih – Istitab adalah Wajib**

(*Lihat Bidayatul Mujtahid 2/448, Mughni al-Muhtaj ms 139, Al-Muhgni 8/124; Al-Fiqh al-Islami, Wahbah Zuhayli, 7/5582*)

- Manakala tempoh istitab adalah 3 hari berdasarkan Hadith Umar al-khattab ra. Hadith ini diriwayatkan oleh Malik dalam al-Muwatta', juga

oleh Imam As-Syafie dan Al-Baihaqi dari Muhd b. Abdullah (*Lihat al-Muhazzab, Imam As-Syirazi as-syafie dan syarahnya, al-majmu' Imam Nawawi, Bab Bunuh ke atas Murtad, Lihat juga Nasb ar-Rayah 3/460 ; Nayl Awtar, 7/191*)

- Ada yang berpendapat serta merta, sekiranya enggan lalu terus dijatuh hukuman.
- Terdapat juga pandangan Istitab selama sebulan.

Menurut Imam Abu Hanifah – Istitab adalah mustahab (DIGALAKKAN) dan tidak berdosa membunuhnya sebelum istitab. Beliau berhujah dengan athar Saidina Umar ra yang lain.

Imam At-Thohawi al-Hanafi (w 321 H) : istitab hanya bagi mereka yang murtad secara tak sengaja, tidak sebaliknya (*Lihat Al-Majmu' dilengkapkan oleh Syeikh Najib Mut'ie*)

Hukuman istitab mempunyai hikmat yang sgt besar dalam hukuman murtad, di masa inilah si murtad akan didatangi oleh para alim ulama dan pendakwah demi berbincang tentang segala permasalahan yang bermain di minda si murtad yang membawanya ingin meninggalkan Islam yang syumul. Justeru, tiada siapa yang layak berkata tiada hikmat jika dilaksanakan hukuman ini di Malaysia akibat suasana yang berbeza2.

Pandangan yang arjah (lebih kuat) bagi (a) dan (b):

Pandangan yang memberi tempoh istitab asasnya 3 hari dan boleh dipanjangkan menurut keadaan & maslahat semasa adalah lebih kuat. Sbagimn Nabi SAW memberi peluang samada menerima Islam atau membayar jizyah sebelum mengisytiharkan perang ke atas puak musyrikin dalam siri Jihad Nabi. **Syeikh Muhd Abu Zuhrah** memilih pandangan ini. Bahkan tabie **Imam Ibrahim an-Nakha'ie** tidak menghadkan tempoh kiranya kelihatan masih ada peluang dan tanda2 untuk si murtad tawbat dan kembali kpd Islam.

c. Adakah hukuman terhadap perempuan seperti lelaki?.

1. Jumhur (**Saidina Abu Bakar as-siddiq, Imam Hasan al-basri, Imam Az-Zuhri** (*Fuqaha' Besar Tabi'en, w 124 H*), **Imam Al-Hafiz Al-Awza'ie** (*Imam Mujtahid, w : 157 H*) , **Imam al-Laith Bin Sa'ad** (*w : 175 H, Imam Syafie menganggap Laith lebih faqih daripd Imam Malik*) , **Imam al-Hafiz Ishak Rahawaih** (*w: 237 H, guru Imam Al-Bukhari & Muslim*) serta majority ulama' **Mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali**. Berpandangan bahawa :

- Perempuan adalah seperti lelaki, apabila ia tidak bertaubat, maka dibunuh.

Dalil jumhur adalah :-

- Umum hadith perihal murtad yang merangkumi lelaki dan wanita. Iaitu 2 hadith di atas.
- Hadith Umm Marwan yang menyebut bahawa ia dibunuh setelah enggan bertawbat. Bagimnpun hadith ini dianggap dhoif oleh Mazhab Hanafi (*Lihat Nasb ar-Rayah, 3/458 ; Hadith ini diriwayatkan oleh al-Baihaqi dari 'Aisyah, juga ad-DarulQutni dari Jabir; Lihat juga Nayl Awtar, 7/192* و)
- Hadith :

..أيما امرأة ارتدت عن الإسلام فادعها, فإن عادت, وإلا فاضرب عنقها (الطبراني)

Ertinya : *Mana2 wanita yang keluar dari Islam (murtad) serulah ia (istitab) kiranya ia kembali (maka tiada hukuman) kiranya ia enggan, bunuhlah ia"* (At-Tobrani dari Mu'adz Jabal,)
Al-Hafiz Ibn Hajar berkata, sanad hadits ini adalah Hasan (Lihat *Fath al-Bari, Ibn Hajar, cet dar as-salam, 12/ 340 ; Nasb ar-Rayah 3/457 ; Nayl awtar, 7/193*)

Seluruh dalil-dalil ini jelas menunjukkan bahawa hukuman wanita murtad adalah sama dengan lelaki yang murtad. Hukuman Saidina Abu Bakar ra yang menjatuhkan hukuman bunuh terhadap wanita murtad di zaman pemerintahannya di hadapan para sahabat menjadi dalil persepakatan (Ijma') mrk dalam hukuman Saidina Abu Bakar ra. Perkara ini dikeluarkan oleh Ibn Munzir (*Rujuk Fath al-Bari, Ibn Hajar al-asqolani, 12/340. Ibn Munzir adlh Imam Mujtahid, w : 319 H*)

2. Imam Abu Hanifah dan mazhabnya serta kumpulan kecil ulama.

- Perempuan tidak dibunuh tetapi hanya dipenjara dan diminta kembali kpd Islam.

Dalil mrk dalam hal ini adalah hadits yang berkaitan larangan Nabi membunuh wanita ketika Jihad :

لا تقتلوا امرأة

Ertinya : "Jgn kamu bunuh para wanita"

Ulama' Hanafi dalam hal ini, berpandangan bahawa hukuman bunuh ke atas si murtad adalah untuk menolak kerosakan yang timbul akibat murtad, iaitu 'hirabah' (memerangi Islam dengan lisan atau tindakan), maka ketika itu, hukuman bunuh mesti dijalankan, bagimnpun ia hanya dikhaskan kpd mrk yang berpotensi untuk melakukan 'muhabarah' tadi, sudah tentu mrk adalah lelaki dan bukan wanita akibat ketidak sesuaian fizikalnya. (*Rujuk al-Mabsut, as-Sarakhsi, 10/98 ; Fath al-Qadir, Ibn Hummam, 4/134 ; Tabyin al-Haqaiq, az-Zaila'ie 3/384*)

- ## 3. Imam Hasan al-Basri (salah satu riwayat dari beliau), Imam al-Hafiz Qatadah (ulama' besar tabien terutama dalam bidang tafsir, w 116 H) – perempuan murtad harus dijadikan hamba. Demikian juga pandangan Imam Abu Hanifah iaitu dengan syarat dalam suasana perang. Berdalil dari tindakan Saidina Ali kw (*Al-Majmu', Imam Nawawi, dilengkapi oleh Syeikh muhd Najib Mut'ie*)

Pandangan Arjah

Adalah pandangan jumbuh yang menyamakan hukuman murtad wanita dengan lelaki. Ini adalah pandangan Syeikh Abu Zuhrah, Dr. Yusoff al-Qaradhawi dan lain-lain.

BEBERAPA BENTUK PRAKTIKAL HUKUMAN MURTAD.

1. Bunuh Setelah Murtad dan istitab (Di amalkan di zaman sahabat)

Saidina Ali KW (w 40 H) pernah melaksanakan hukuman bunuh dengan membakar mereka dengan api, iaitu selepas disuruh bertaubat tetapi enggan (*Sila lihat Nailul awtar, Imam Syawkani 7/209; lihat juga a'lam al-muwaqqi'ien, Ibnu Qayyim 5/42*)

Bagimnpun **Ibnu Abbas ra** (*shbt & anak sdari Nabi, w: 67 H*) , tidak bersetuju dengan cara saidina Ali (bunuh dengan bakaran api) serta beliau berhujah atas hadits ertinyanya : "Jgn kamu mengazab dengan azab Allah" (*Riwayat al-Bukhari dalam*

Bab Jihad) Bagimn pun perlu diingat perselisihan Ibnu Abbas dengan Ali kw hanyalah pada kaedah pelaksanaan bukannya prinsip asas.

Muadz Bin Jabal ra (tokoh Sahabat Nabi, w : 18 H) dan **Abu Musa As-Sya'ari** (shbt Nabi yang mashyur, w : 44 H) juga pernah melaksanakan hukuman bunuh di Yaman, terhadap seorang Yahudi yang Islam kemudian kafir kembali. Berkata Muadz setelah itu (Hukuman Allah Dan Rasulnya) – (Hadith riwayat Bukhari dan Muslim dan Ahmad; Sila lihat juga al-Majmu', 21/47).

2. Hukuman Bunuh Si Murtad Tidak Dilaksanakan Kerana Tiada Muharabh. (Sering di dakwa oleh kumpulan Mutaakhirin)

Ini adalah pandangan yang agak berbeza iaitu:-

Tidak dibunuh si murtad kecuali jika memerangi Islam atau mengajak manusia lain kpd kekufuran. Seperti Salman Rushdie.

Antara dalil yang kelihatan di gunakan terdpt di dalam kalam **Syeikhul Islam Ahmad bin Abd Halim Ibn Taimiyah al-Harrani** (Imam Mujtahid yang kontroversi, w 728 H) : “ Sesungguhnya Nabi SAW telah menerima taubat sekumpulan murtad manakala telah menjatuhkan hukuman bunuh kepada sekumpulan murtad yang lain. Ini kerana, selain murtad mereka juga membuat jenayah2 lain yang membawa mudharat kpd Islam dan Muslimin, antara peristiwanya seperti:

- a. Arahan Nabi membunuh Maqyas Bin Hubayah pd hari Fathul Makkah, kerana selain murtad ia telah memerangi muslim dan mencuri harta serta tidak bertaubat selepas berkemampuan berbuat demikian,
- b. Nabi juga memerintah membunuh sekumpulan 'Uraniyyin juga dengan sebab yang sama,
- c. begitu juga Nabi mengarahkan membunuh Ibn Khattal akibat murtad disertai dengan penghinaan, cacian dan memerangi muslim (Lihat kitabnya As-Sorim al-Maslul hlm 368, Ibn Taimiyah)

Lalu Ibn Taimiyah membahagikan murtad kpd 2 jenis :

- i) Murtad semata-mata, maka boleh diterima taubatnya.
- ii) Murtad yang bersamanya muharabah (memerangi) Allah dan RasulNya serta menyeru kefasadan atas muka bumi, taubatnya tidak diterima.

Justeru jelas sekali Nabi pernah melaksanakan hukuman bunuh ini, dan ini menolak dakwaan Nabi tidak pernah menjatuhkan hukuman bunuh terhadap si murtad. Menurut Dr Yusof al-Qaradhwai, kiranya benar sekalipun, ia adalah kerana murtad tidak terzohir di zaman baginda akibat terlalu sedikitnya.

Hujah beberapa kumpulan di Malaysia yang menyatakan mengecualikan bunuh bagi murtad tanpa berserta 'muharabah' (memerangi Islam) ADALAH KURANG TEPAT JIKA BERDALILKAN PERISTIWA DI ATAS dan tertolak dengan hujah berikut:

- a) Peristiwa tersebut **berkisar tentang masalah penerimaan taubat, bukannya gugur hukuman kerana tidak 'muharabah'**. Jelas dari kalam Ibnu Taimiyah, **kumpulan Murtad yang tidak dibunuh adalah kerana mereka bertaubat dan tidak memerangi Islam (iaitu sekali dua) !, lalu Taubat bagi si Murtad yang tidak memerangi Islam adalah diterima Nabi SAW.**
- b) Manakala kumpulan kedua, mrk cuba bertaubat tetapi tidak diterima (iaitu Qisas, ia haq manusia, walaupun tawbat hirabah diterima dari sudut haq Allah) akibat jenayah muharabah seperti mencuri, membunuh dll selain murtad, justeru, tawbat mrk bukan hanya melibatkan haq Allah tetapi haq

manusia. Ini jelas kerana 'muharabah' mempunyai hukuman yang lain dalam peruntukan hukuman Islam sbagimn dalam ayat : Al-Maidah ayat 33. :

إنما جزاء الذين يحاربون الله ورسوله ويسعون في الأرض فسادا أن يقتلوا أو يصلبوا أو تقطع أيديهم وأرجلهم من خلاف أو ينفوا من الأرض ذلك لهم خزي في الدنيا ولهم في الآخرة عذاب عظيم

Ertinya : "Hanyasanya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi ialah dengan dibalas bunuh (kalau mereka membunuh sahaja dengan tidak merampas), atau dipalang (kalau mereka membunuh dan merampas), atau dipotong tangan dan kaki mereka bersilang (kalau mereka merampas sahaja), atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum). Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka, dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar."

c) Justeru pendalilan yang tepat dari peristiwa Nabi tidak membunuh sekumpulan Murtad kerana mereka hanya semata-mata murtad (tanpa memerangi Islam) dan kemudian bertaubat. **la tidak boleh dijadikan hujah bagi membenarkan murtad tanpa muharabah** dilepaskan begitu sahaja. Sebagaimana pandangan beberapa kumpulan masa kini. Bahkan amat sukar untuk dipisahkan murtad dan muharabah ini. Dan kiranya ia di luar pengetahuan pemerintah, maka ia adalah perkara lain. Sebagaimana Hadith Nabi SAW :

من أتى من هذه القادورات شيئا فاستتر فهو في ستر الله. فإن من يبد لنا صفحته، نقم حد الله تعالى عليه (الترمذي، ابن ماجه)
Ertinya : Brgsp yang melakukan mana2 dari kemungkaran, lalu ia menyembunyikannya maka ia dilindungi Allah (dari terdedah aibnya & peluang tawbat masih terbuka), dan sesiapa yang menyatakan kemungkaran perlakuannya, maka kami akan laksanakan hukuman had ke atasnya" (Dikeluarkan oleh Tirmizi, Ibn Majah, Al-Hakim dari Saidina Ali Ra, disebut oleh al-Mawardi di dalam al-ahkam al-Sultaniah, ms 252).

Muharabah Lisan dan Kuasa

Syeikhul Islam Ibn Taimiyah rh juga menyatakan bahawa muharabah itu terbahagi kpd 2 bhg,

1) **Muharabah Secara Lisan** : iaitu pengisytiharan diri sebagai Murtad dikira memerangi Allah dan Rasul kerana ia dikira menghina Islam, dan kata2nya boleh mempengaruhi org lain.

2) **Muharabh Secara Kuasa**: ini jelas iaitu melawan dengan kuasa serta menyeru ke arah kekafiran serta mengiklankannya. Kesimpulannya Ibn Taimiyah menganggap **murtad dan pengiklanannya terhadap umum adalah dianggap muharabah secara lisan serta layak dikenakan hukuman bunuh dengan peruntukan Muhabarah selain Riddah**. Jika demikian, perkara ini adalah boleh diterima.

Juga perlu disebutkan di sini, adalah menjadi kelaziman si murtad akan mendedahkan perihal kemurtadannya. Ketika itu, perihal pengiklanan murtad adalah termasuk di dalam bab Hirabah. Telah diperjelaskan sebelum ini bahawa terdpt dua jenis Hirabah. Hirabah dengan kuasa dan hirabah dengan lisan. Kedua-dua hirabah adalah sama dari sudut hukumannya. Iainya thabit dari Al-Quran. Dr Abd Karim Zaidan juga telah menyebut perkara ini. (Majmu'ah Buhuth Fiqhiyyah, Dr. Abd Karim Zaidan , hlm 416, Rujuk juga Jarimah ar-Riddah, Dr Yusof al-Qaradhawi)

Justeru, murtad secara senyap bukanlah bermakna tiada hukuman ke atasnya, tetapi kesembunyiannya itu menyebabkan hal murtadnya tidak diketahui, maka

sudah tentu tiada hukuman bagi perkara yang tiada kelihatan, jika demikian urusannya hanya ditentukan Allah.

Akhirnya, Ulama' ittifaq (sepakat) bahawa jenayah riddah akan gugur (hukumannya) sekiranya si Murtad bertaubat (bagi mereka yang tidak muharabah) ini adalah kerana maksud istitab adalah mengembalikannya kpd Islam. Bagimpun Murtad berserta 'muharabah' tetap akan dihukum berdasarkan jenis jenayah muharabah yang telah dilakukannya. (Rujuk: Al-Mabsut As-Sarakhsi; Fathul Qadir Ibn Humam ; Bidayatul Mujtahid Ibn Rusd ; Al-Mughni al-muhtaj Khatib Syarbini; al-Mughni Ibn Quddamah, al-'Uqubah, Muhd Abu Zuhrah)

3. Tidak Dibunuh Si Murtad Di Dalam Keadaan2 Tertentu Demi Menjaga Maslahat Semasa.

Jumhur ulama' tetap berpandangan si murtad perlu dibunuh dalam semua keadaan selagi tidak terdpt syubhat yang menghalang pelaksanaan, kecuali diriwayatkan bahawa Saidina Umar al-Khattab ra pernah berbeza dalam hal ini, ianya seperti berikut :

Diriwayatkan oleh **Imam Abd Razak as-San'ani** (guru hadith Imam Ahmad, w : 211 H) dan **Imam al-Hafiz al-Baihaqi as-Syafie** (w: 458 H) dan **Ibn Hazm Al-Zohiri** (Imam Mujtahid, w 456 H):

..فقدم على عمر، فسأله: ما فعل الستة الرهط من بكر بن وائل، والذين ارتدوا عن الإسلام، فلحقوا بالمشركين؟ قال: يا أمير المؤمنين، قوم ارتدوا عن الإسلام، ولحقوا بالمشركين، قُتلوا بالمعركة، فاسترجع عمر (أي: قال إنا لله وإنا إليه راجعون) قال أنس، وهل كان سبيلهم إلا القتل؟ قال: نعم، كنت أعرض عليهم الإسلام، فإن أبوا أودعتهم السجن. (رواه عبدالرزاق في المصنف 165/10، الأثر (18696)؛ البيهقي في السنن 207/8؛ ابن حزم في المحلى: 221/11)

Ertinyanya : Sesungguhnya seorang telah kembali dari Tustar lalu berjumpa Umar ra, lalu Umar bertanya kepadanya: "Apa yang mereka berenam daripada Bakr bin Wail telah lakukan, adakah merka murtad dan menyertai kumpulan Musyrikin? Berkata si pengadu : Wahai Amirulmukminin, kaum yang murtad dari Islam lalu masuk ke dalam kumpulan Musyrikin, dibunuh dalam peperangan. Lalu Umar berkata (inna lillahi inna ilaihi raji'un) Berkata lelaki itu : adakah jalan lain bagi si murtad itu selain bunuh? Berkata Umar : ya, Aku mengajak mereka kembali kpd Islam, kiranya mereka enggan aku akan memenjarakan mereka" (Rujuk Musannaf Abd Razak 10/165; Al-Baihaqi dalam As-Sunan 8/207; Ibn Hazm dalam al-Muhalla 11/221)

Berdasarkan kepada athar tadi, sesungguhnya **Umar ra tidak melihat hukuman bunuh adalah satu hukuman yang mesti dalam setiap keadaan.** Ini bermakna **ianya boleh ditangguh pelaksanaannya dalam keadaan DHARURAT atau mana2 keadaan yang seumpama dengannya.** Ia juga tidaklah bermaksud ,bahawa hukuman ini adalah ta'zir, hukuman potong tangan juga boleh ditangguh atau tertolak kiranya terdpt syubhat qawiyah. Ia berbeza dengan apa yang ada di Malaysia, perlu dibezakan bahawa pelaksanaan hukuman hanya di tangguh atau dengan memanjangkan tempoh pemenjaraan dan istitab, bukannya terus tidak mewartakannya sbmn Malaysia.!

Menurut **Dr. Yusof Al-Qaradhawi : Dharurat di sini bermaksud : DALAM KEADAAN PERANG,** lalu sekiranya dilaksanakan hukuman tersebut maka dibimbangi fitnah dan si murtad akan masuk bersama dalam kumpulan musuh hingga menguatkan mereka pula. Beliau mengatakan bahawa kemungkin Saidina Umar

meng'ajias'kan hukuman ini dengan sabda Nabi SAW : Ertinya : **“Tidak dipotong tangan (pencuri) ketika perang”**

Perbincangan tentang maslahat adalah panjang. Apa yang perlu difahami oleh pembaca sebagai asas. Maslahat terbahagi kepada beberapa pembahagian. Antara yang terpenting adalah pembahagian berikut:-

1. **Maslahat Mu'tabarah** : Kepentingan yang terdpt sokongan dari Nas quran dan hadith & bertepatan kandungannya . Maslahat ini diterima secara sepenuhnya oleh Ulama'.
2. **Maslahat Mursalah** : Kepentingan yang tiada terdpt nas yang melarang dan juga nas yang menyokong. Maslahat ini diperselisihkan di kalangan ulama' iaitu samada diterima @ ditolak.
3. **Maslahat Mulgha** : Kepentingan yang terdpt nas melarang & bertentangan dengan nas, kebiasaan ia dtg dari hawa nafsu. Maslahat ini ditolak secara sepenuhnya oleh ulama'. (Rujuk *al-Muwafaqat*, Imam as-Syatibi, cet Dar Ibn Hazm, 2/15, rujuk juga *Manahij a-ljtihad*, Prof. Dr Salam Madkur)

Justeru, setiap maslahat yang didakwa mestilah di pertimbang sebaiknya oleh kumpulan pimpinan dan para ulama' demi memastikan maslahat yang timbul termasuk di dalam kategori mana. Tidak boleh dengan sewenangnyanya menolak atau menanggukuhkan hukuman Hudud hanya kerana maslahat hawa nafsu hasil sangkaan zanni dan kemelesetan Ruh Islam.

PENOLAKAN PERTIKAIAN TERHADAP PERUNTUKAN HUKUMAN BUNUH TERHADAP MURTAD.

1. **Hadith yang menthabitkan hukuman Murtad adalah hadith Ahad.** (Maksud Ahad adalah : Hadith yang diriwayatkan oleh dua, tiga, empat dan ke atas, yang bilangannya tidak sampai bilangan perawinya ke tahap mutawatir: iaitu suatu jumlah yang mustahil dianggap perawi boleh bersepakat berbohong)
Pertikaian ini boleh ditolak dengan hujjah :
 - a) Dr Yusoff Al-Qaradhawi menjawab bahawa penolakan penggunaan hadith Ahad di dalam hal Hudud adalah tidak diterima. Seluruh mazhab dan jumhur telah mengiktiraf pemakaian hadith ahad di dalam hukum Islam samada hudud mahupun lainnya, bahkan ia juga diguna dalam bab aqidah. Demikian juga pandangan Syekh Muhaddith Al-Albani.
 - b) Kiranya hadith Ahad tidak diterima dalam hukum. Ini bermakna hampir 95% sumber perundangan hukum Islam akan ditolak. Kerana semuanya bersumber dari hadith Ahad.
 - c) Hadith berkenaan murtad telah diriwayatkan oleh sekumpulan sahabat besar. Telah disebutkan di awal dalil tadi (9 orang ke atas).
 - d) Dalil peruntukan hukuman bunuh terhadap murtad telah ijma' hukumannya adalah bunuh, kecuali yang diriwayatkan oleh Saidina Umar r.a., Ibrahim an-Nakhaie dan Sufyan at-Thawry. Bagimpun, periwayatan athar findakan Umar tadi pun tidak langsung diriwayatkan di dalam Enam kitab hadith yang Utama (Bukhari, Muslim, Nasaie, Abu Daud, Tirmidzi, Ibn Majah atau Malik). Bahkan terhadap pula riwayat lain yang menyatakan Saidina Umar mengarahkan Ibn Mas'ud agar si murtad dibunuh jika tidak bertawbat. (Rujuk *Musannaf Abd Razak*, 10/168, athar no 18707)

e) Bilangan perawi hadith yang dianggap sampai tahap mutawatir juga diperselisihkan, antara bilangan yang sering disebut ulama' hadith ialah 40 orang, Ibn Hajar di dalam *Nuhbah al-Fikr* hanya menyebut suatu bilangan yang pada adatnya mustahil untuk sepakat berbohong. Bukankah 9 org tadi dikira logic untuk berbohong?. Padahal ia adalah hadith yang shohih dengan diriwayatkan di dalam 5 kitab hadith utama kecuali Muslim. Imam Ali al-Qari ketika mensyarahkan kata-kata Ibn Hajar tadi, membuat kesimpulan, bilangan yang banyak dan diterima adat mustahil berbohong, adalah mencukupi untuk mutawatir.

Ada yang mengatakan bilangan 4, 5, 7, 10, 12, 40, 70 dan lain2 (*Rujuk Syarah Nuhbah al-Fikr, cet Dar al-Qalam, ms 164*) . Ini bermakna penolakan hadith Ahad dari digelar Mutawatir juga tidak bersifat qat'ie. Malah kiranya hadith yang ingin dikelaskan Mutawatir itu hanya 40 atau 70 perawi ke atas, maka ia hampir tidak wujud menurut Imam2 dalam bidang Hadith. Ia disebut oleh **Imam Ibn Solah** (w: 643 H) di dalam kitabnya *al-Muqaddimah* yang terkenal dalam bidang ulum hadith.

KESIMPULAN

1) Pendapat jumhur bahawa hukuman bunuh mesti dilaksanakan bagi menutup pintu fitnah terhadap Islam, serta menumpaskan kebejatan Aqidah. Maka sekiranya sebaliknya yang akan berlaku (dalam masa perang) hingga **yakin atau (ghalbah az-zann) akan membawa keburukan** kpd kekuatan Islam, maka ketika itu bolehlah berpegang kpd pandangan **Saidina Umar ra, Imam Sufyan at-thauri** atau **Imam Ibrahim An-Nakhaie**. Itupun dalam keadaan dan had masa tertentu.

2) Imam Ibrahim an-Nakhaie (*Fuqaha' Tab'ien Iraq yang mashyur, w: 96 H*) dan **Imam Sufian At-Thauri** (*Imam Mujtahid Mustaqil Mutlaq, w: 161 H*), berpendapat bahawa (berdasarkan athar Umar ra di atas). Hukuman Murtad boleh ditangguh apabila ada harapan kembali kepada Islam, pada masa yang sama bolehlah dilaksanakan hukuman penjara. Bagaimanapun pandangan ini adalah lemah apabila berhdpan dengan Hadith2 shohih, tindakan sahabat, dan majority fuqaha dan ulama' setiap zaman.

3) As-Syeikh Dr. Yusof Al-Qaradhawi berkata : "Adalah perlu untuk kita membezakan di antara 'riddah ghalizah' (*Murtad yang diiklan dan dakyah*) dan 'riddah khafifah' (*murtad secara senyap tanpa dakyah*), juga perlu dibeza di antara murtad dengan menyeru orang lain (agar membenci Islam dll) dan murtad yang tanpa seruan" (*Dr. Yusof al-Qaradhawi, Jarimatur Riddah, hlm 35*)

Beliau memberikan contoh riddah ghalizah seperti *Salman Al-Rushdie* iaitu si murtad yang membawa pemikiran bid'ah dan sesatnya dengan lisan dan tulisannya.

Apapun, perlu difahami, tidaklah bermakna menangguhkan hukuman itu membawa maksud bahawa hukuman itu dihapuskan atau tidak diwartakan, bahkan ia ada dan diwartakan penguatkuasaannya, Cuma dalam kes-kes tertentu sahaja ianya ditangguh dengan sebab-sebab yang kuat. Hal ini berlainan sama sekali dengan suasana Malaysia yang langsung tidak mewartakan hukuman Islam ini !!.

4) Begitupun tegas hukuman Islam dalam hal ini, di sana terdapat banyak syarat2 sebelum seseorg boleh dithabitkan murtad, ia bukannya semudah menukar pakaian. Perlu diingat juga bahawa kiranya si murtad, keluar dari Islam tetapi tidak menghebohkan terhadap umum dan kemurtadannya dirahsiakan, tiada

lah pemerintah berhak menjatuhkan hukuman terhadapnya, (*Lihar Jarimah ar-Riddah, Al-Qaradhawi hlm 37*) . Ini jelas dari hadits Nabi SAW :
 من أتى من هذه القادورات شيئاً فاستتر فهو في ستر الله، فإن من يبد لنا صفحته، نقم حد الله تعالى عليه (الترمذي، ابن ماجه)
 Artinya : Brgsp yang melakukan mana2 dari kemungkaran, dan ia menyembunyikannya maka ia masih dilindungi Allah(dari terdedah aibnya), dan sesiapa yang menyatakan kemungkaran perlakuannya, maka kami akan laksanakan hukuman had ke atasnya" **(Dikeluarkan oleh Tirmizi, Ibn Majah, Al-Hakim dari Saidina Ali Ra, disebut oleh al-Mawardi di dalam al-ahkam al-Sultaniah, ms 252).**

laitu dengan harapan ia bertawbat lalu Allah menerima tawbatnya.

5) Pendapat yang menolak hukuman bunuh terhadap Murtad atas alasan hadits Ahad, adalah sgt lemah dengan hujjah-hujjah yang telah dikemukakan tadi.

6) Hukuman ini tidak boleh dilaksanakan kiranya tidak memenuhi syarat-syarat tertentu (tidak dpt dibicarakan kerana tidak mahu memanjangkan penulisan). Malah si murtad juga diberi tempoh untuk bertawbat, dibawa berbincang dan diberi kaunseling secukupnya. Ia semuanya membuktikan toleransi Islam dan dalam pada masa yang sama tegas dalam menjaga aqidah umat dan maruah Islam. Terdpt juga perbincangan yang panjang tentang syubhat yang menggugurkan hukuman murtad & seluruh hukuman hudud yang lain. Seperti syubhat kerana jahil dan lain2. (*Rujuk al-'Uqubah, Muhd Abu Zuhrah, ms 198 – 239*)

7) Terdpt juga perbincangan yang panjang mengenai kesan kiranya si murtad bertawbat sebelum kesnya di bawa ke penghakiman, begitu juga selepas dan yang berkaitan. (*Rujuk al-'Uqubah*)

8) Tidaklah wajar menuduh seseorg kafir dan yang seerti dengannya, sehinggalah terdpt bukti jelas dari perkataan dan tindakannya yang mendedahkannya. Ketelitian dalam hal ini sgt penting supaya hal seserius ini tidak dicop sewenangnyanya. Pensabitan hukum sesorg itu telah murtad hanya patut ditentukan oleh qadhi / hakim di dalam system perundangan Islam yang haqiqi.

Catatan Hujung

Hukuman membunuh murtad didahulukan (dari sudut keutamaan diambil tindakan) dari memerangi kafir harbi. Demikian pandangan para sahabat, yang diketuai oleh Saidina Abu Bakar ra. Dalilnya Saidina Abu Bakar ra mendahulukan memerangi kumpulan murtad sekitar madinah walaupun Nabi telah menyiapkan pasukan tentera Usamah sebelum kewafatan Baginda SAW untuk memerangi musuh kafir Harbi, tetapi Abu Bakar as-siddiq menangguhkannya demi menyelesaikan kumpulan ingkar zakat(murtad).

RUJUKAN

Mazhab Hanafi

1. Al-Mabsut, Imam as-Sarakhsi
2. Fathul Qadir, Imam Kamal Ibn Humam
3. Al-Badai' as-Sonai', Al-Kasani

Mazhab Maliki

1. al-furuq, Imam al-qarafi
2. Bidayatul Mujtahid wa an-Nihayatul Muqtasid, Ibn Rusd, Dar Ibn Hazm
3. Syarh al-Kabir, Ad-Dardir

Mazhab Syafie

1. Al-Minhaj Syarh Shohih Muslim , Imam An-Nawawi, Darul Makrifah
2. Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab, Imam An-Nawawi, Dar Ihya' Turath al-Arabi
3. Al-Mughni al-Muhtaj, Khatib Syarbini

Mazhab Hanbali

1. Al-Mughni, Ibnu Quddamah, al-Hijrah
2. Zadul Ma'ad, Ibn Qayyim, Muassasah ar-Risalah
3. Kasyaful qinaq' , Salahuddin al-Bahuti, Alam al-Kutub

Lain-lain

1. Fath al-Bari, al-Hafiz Ibn Hajar al-asqolani.
2. Nailul Awtar, Imam As-Syawkani,
3. Tarikh Tasyri' al-Jinaie, Abd Qadir Awdah
4. Jinayah ar-Riddah wa 'uqubatiha, Dr Yusof Al-Qaradhawi
5. Al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu, Dr. Wahbah Az-Zuhayli
6. Kitab2 Hadith Shohih Bukhari, Muslim, Abu Daud, Musnad Ahmad, Muwatto' Malik, Sunan an-Nasaie.
7. Tuhfatul Aysraf, Al-Imam al-Mizzi
8. Majmu'ah al-Buhuth, Dr Ab Karim Zaidan
9. Syarh Nuhbah al-Fikr, Al-Hafiz Ali Al-Qari
10. Zad al-Ma'ad, Ibn Qayyim dengan tahqiq Syeikh Syua'ib arnaut
11. Al-'Uqubah, Imam Muhd Abu Zuhrah, Dar Fikr al-Arabi.

Irbid, Jordan

8 Rabi'ul akhir 1423 H

19 Jun 2002

